

01 JUN 1998

UMNO KELANTAN AKAN ADAKAN PILIHAN RAYA PERCUBAAN

PORT DICKSON, 1 Jun (Bernama) -- Umno Kelantan akan mengadakan pilihan raya percubaan Ogos ini untuk memastikan semua jentera pilihan rayanya bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Annuar Musa hari ini.

Katanya, pada masa ini Umno negeri sedang mengadakan 220 bengkel yang dijangka berakhir bulan ini bagi melatih 8,000 tenaga kerjanya bagi persediaan menghadapi pilihan raya umum.

"Kita mahu memastikan Umno memenangi semula negeri Kelantan daripada PAS," katanya kepada pemberita selepas melawat projek pelancongan bersepadu Kuala Lukut di sini.

Annuar berkata, Umno Kelantan telah mula membuat ceramah dan mesyuarat mingguan, dan beliau juga membuat lawatan ke kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri.

Katanya, beliau akan menyerahkan 10 hasil resolusi Konvensyen Umno Kelantan baru-baru ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Jun ini untuk makluman beliau sebelum dilaksanakan.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menyifatkan desakan Umno supaya beliau (Nik Aziz) meletak jawatan sebagai membuktikan PAS bertambah teguh di bawah kepimpinannya, Annuar berkata kerajaan negeri itu tidak mendapat sokongan pegawai-pegawai kerajaan.

-- BERNAMA

AZ AKD